

## BAB 5

### PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan secara lanjut hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada responden kajian. Di samping itu juga, bab ini akan membuat rumusan secara menyeluruh hasil dapatan data dan memberi beberapa cadangan yang berkaitan dengan tajuk yang dikemukakan. Untuk lebih memudahkan penyampaian, perbincangan akan berpandukan hasil dapatan data pada Bab 4 yang berpandukan tajuk-tajuk berikut:

- i. Jenis dan kekerapan bahan yang dibaca oleh responden.
- ii. Tujuan responden membaca bahan bacaan.
- iii. Kekangan atau faktor yang menghalang minat membaca responden.
- iv. Peranan dan penggunaan pusat sumber atau perpustakaan menanam minat membaca responden.
- v. Pertalian dan hubungan bahan bacaan yang sangat kerap di baca oleh responden dengan status sosioekonomi.

Dari segi jantina menunjukkan murid lelaki dan murid perempuan sama dari segi memperuntukkan masa membaca iaitu di antara 1 hingga 2 jam seminggu. Dari segi bilangan murid yang tidak membaca menunjukkan jumlah murid lelaki ramai yang tidak membaca iaitu 4.2% berbanding dengan murid perempuan yang hanya 0.8%. Jika dilihat dari sikap malas membaca, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa murid lelaki perlukan pengawasan dan pemerhatian yang lebih bagi memastikan mereka tidak meneruskan sikap tidak minat untuk membaca.

Dari segi sekolah pula menunjukkan SKBRP dan SKMS mempunyai majoriti yang tertinggi membaca 1 hingga 2 jam seminggu, manakala SKKK majoriti tertinggi ialah murid membaca kurang daripada 1 jam. Ini menunjukkan jumlah masa yang diperuntukkan oleh murid-murid SKKK sangat rendah berbanding SKMS dan SKBRP. Di samping itu juga SKKK mencatatkan murid yang tidak membaca tertinggi iaitu 3.8%. Jika masalah ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya, maka sekolah SKKK akan menghadapi masalah murid yang tidak minat membaca.

### **5.5.3 Kekerapan mengunjungi pusat sumber**

Kajian ini mendapati majoriti murid-murid yang dikaji mengunjungi pusat sumber untuk membaca ialah 1 hingga 2 kali dalam seminggu. Ini menunjukkan murid-murid yang berkunjung ke pusat sumber untuk membaca masih rendah. Di samping itu juga terdapat segelintir murid-murid yang langsung tidak mengunjungi pusat sumber untuk membaca iaitu 2.9%. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Wan Nor Saadah (1990) dan Halimah (1986)

Dapatan kajian menunjukkan murid-murid lelaki lebih gemar membaca bahan yang berbentuk majalah seram, komik atau kartun, dan surat khabar utama, manakala murid perempuan lebih gemar membaca bahan bacaan seperti buku agama, buku akademik, iklan dan surat khabar utama. Hal ini mungkin disebabkan faktor semula jadi yang mempengaruhi minat murid tersebut membaca sesuatu bahan bacaan.

Mengikut faktor semula jadi, kaum perempuan yang dikumiakan ciri-ciri seperti keibuan, empati dan lebih beremosi, berkecenderungan mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding dengan kaum lelaki (Lim, J.1997). Dalam kebanyakan masyarakat di dunia, kanak-kanak perempuan tidak digalakkan melakukan aktiviti yang agresif kerana kelakuan demikian biasanya dianggap sebagai tanda kekasaran dan hilangnya sifat lemah lembut seseorang perempuan. Di sebaliknya, masyarakat boleh menerima kanak-kanak lelaki terlibat dalam pertenggaran fizikal sebagai satu sifat kelelakian (Harris & Liebert, 1991). Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi akan mempengaruhi minat murid tersebut untuk membaca bahan bacaan.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya minat membaca bahan bacaan yang dinyatakan di atas, berdasarkan lokasi sesuatu sekolah. Hal ini disebabkan faktor kedudukan sekolah yang memberi kesan kepada murid tersebut minat untuk membaca.

### **5.3 Tujuan responden membaca bahan bacaan.**

Berdasarkan kepada beberapa tujuan membaca bahan bacaan seperti membaca untuk menambah pengetahuan, membaca untuk lulus peperiksaan, membaca untuk mendapatkan maklumat, membaca untuk mengisi masa lapang berfaedah, membaca untuk menghilangkan bosan, membaca untuk perasaan ingin tahu, membaca untuk

menyiapkan kerja sekolah, membaca untuk keseronokan, membaca untuk mengelak membuat kerja, dan membaca untuk tujuan menunjuk-nunjuk.

Dapatan kajian menunjukkan murid-murid membaca untuk tujuan menambahkan pengetahuan, lulus peperiksaan dan untuk mendapatkan maklumat, merupakan tujuan utama berbanding dengan tujuan membaca yang dinyatakan di atas, dapatan ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan Lim (1974), Gates Jennings (1961), Safiah (1990), Faridah (1990) dan Zahilah (2000). Dapatan kajian juga menunjukkan murid-murid yang dikaji tidak bersetuju dengan tujuan membaca untuk menunjuk-nunjuk dan untuk mengelak daripada membuat kerja.

Tujuan membaca ini sememangnya berkaitan dengan peringkat umur responden kajian ini. Berdasarkan sampel kajian ini, murid-murid yang dipilih adalah lingkungan umur 11 tahun, iaitu dalam darjah lima. Sewaktu berada di darjah lima inilah murid-murid tersebut sepatutnya memantapkan ilmu pengetahuan kerana mereka akan menghadapi satu peperiksaan yang besar ketika berada di dalam darjah enam iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Di samping itu juga menjadi satu matlamat murid-murid yang masih bersekolah seperti sampel kajian ini, untuk lulus peperiksaan. Matlamat ini sudah pasti berbeza jika sampel kajian bukan seorang pelajar, mungkin matlamat seseorang itu untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan mengisi masa lapang yang berfaedah jika sampelnya bukan seorang pelajar.

Berdasarkan jantina dan lokasi kedudukan sekolah, dapatan kajian menunjukkan murid lelaki dan perempuan mempunyai tujuan membaca yang sama iaitu membaca untuk lulus peperiksaan. Di samping itu juga kedudukan lokasi sekolah tidak menunjukkan perbezaan tujuan minat membaca yang ketara. Ketiga-tiga murid-murid

sekolah memilih membaca untuk tujuan lulus peperiksaan sebagai pilihan utama dan diikuti membaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan.

#### **5.4 Kekangan atau faktor yang menghalang minat membaca responden.**

Berdasarkan kepada beberapa faktor atau kekangan yang menghalang minat membaca telah dikemukakan kepada sampel kajian seperti pengaruh TV, VCD, permainan video dan radio, rasa mengantuk atau letih, gangguan persekitaran, kekurangan masa atau sibuk, kerja sekolah yang banyak, halangan bahasa, harga bahan bacaan yang mahal, koleksi di pusat sumber yang kurang lengkap, jarak pusat sumber jauh daripada rumah, sukar mendapatkan bahan bacaan, kecacatan penglihatan, tidak mampu untuk membeli buku, tiada perpustakaan mini di rumah, tiada kemudahan untuk membaca, tiada keperluan untuk membaca dan tidak minat atau bermotivasi untuk membaca.

Berdasarkan hasil dapatan, menunjukkan faktor atau kekangan yang utama menyebabkan murid-murid tidak minat untuk membaca ialah pengaruh TV, VCD, permainan video, dan radio dan diikuti oleh rasa mengantuk atau letih dan diikuti oleh faktor kekangan yang lain. Berdasarkan sampel kajian di dapati pengaruh TV, VCD, permainan video dan radio merupakan pengaruh utama yang menghalang minat membaca. Dapatan ini disokong oleh kenyataan yang dibuat oleh Prof Diraja Ungku Aziz (Berita Harian, 10 Julai 2003), Azman (1988) dan Marshall (1994). Dari segi jantina dan lokasi sekolah menunjukkan tiada perbezaan. Kedua-dua jantina setuju bahawa pengaruh TV, VCD, permainan video merupakan pengaruh utama yang menghalang minat membaca.

## **5.5 Peranan dan penggunaan pusat sumber atau perpustakaan menanam minat membaca responden.**

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan peranan dan penggunaan pusat sumber atau perpustakaan memainkan peranan dalam menggalakkan minat membaca murid. Peranan perpustakaan ini dapat dilihat melalui bilangan muka surat yang dibaca di pusat sumber, masa membaca di pusat sumber, kekerapan mengunjungi pusat sumber dan meminjam buku di pusat sumber.

### **5.5.1 Bilangan muka surat yang dibaca di pusat sumber.**

Secara keseluruhan, majoriti bilangan muka surat yang di baca oleh murid-murid ialah lebih daripada 50 muka surat ialah 23.8% dalam masa seminggu. Berdasarkan dapatan data ini menunjukkan murid-murid yang dikaji mempunyai sikap rajin membaca. Data kajian juga menunjukkan ada segelintir murid-murid yang langsung tidak membaca iaitu 2.1%. Jika masalah ini tidak diberi perhatian, kemungkinan akan mempengaruhi murid-murid lain tidak minat membaca.

Di samping itu juga dapatan kajian menunjukkan terdapatnya perbezaan dari segi jantina dan sekolah bilangan murid-murid yang membaca berdasarkan bilangan muka surat yang dibaca. Berdasarkan jantina menunjukkan majoriti tertinggi murid lelaki membaca 31 hingga 40 muka surat dalam seminggu, manakala majoriti tertinggi menunjukkan murid-murid perempuan membaca lebih 50 muka surat dalam masa seminggu. Hal ini mungkin disebabkan sifat murid-murid perempuan yang berminat terhadap sesuatu perkara dan bila melakukan sesuatu, biasanya murid perempuan akan

melakukan perkara atau pekerjaan bersungguh-sungguh. Sikap murid perempuan yang lebih berminat untuk membaca, berbanding dengan sifat murid-murid lelaki yang cepat bosan dan kurang memberikan tumpuan yang panjang terhadap sesuatu perkara, menjadi faktor penyebab murid perempuan mampu membaca lebih daripada 50 muka surat di dalam pusat sumber.

Dari segi sekolah dapatan data menunjukkan murid sekolah SKBRP mempunyai bilangan murid yang ramai membaca lebih daripada 50 muka surat iaitu 37.5% berbanding dengan SKMS dan SKKK. Ini menunjukkan sekolah SKBRP mempunyai budaya membaca yang tinggi berdasarkan bilangan muka surat yang dibaca dalam pusat sumber. Sikap dan budaya rajin membaca ini dapat memberi kesan yang tinggi kepada diri murid-murid yang membaca dan secara tidak langsung memberi satu kelebihan kepada sekolah dari segi peratus lulus dalam sesuatu peperiksaan.

### **5.5.2 Masa membaca di pusat sumber**

Kajian ini mendapati majoriti murid-murid yang dikaji memperuntukkan masa membaca dalam pusat sumber atau perpustakaan ialah 1 hingga 2 jam dalam masa seminggu iaitu 41.7%. Ini jelas menunjukkan masa yang diperuntukkan untuk membaca masih rendah. Sebagai seorang pelajar sekurang-kurangnya masa membaca yang diperuntukkan lebih daripada 4 jam seminggu. Jika masa membaca ini tidak berikan perhatian kemungkinan ia akan mendatangkan kesan sampingan kepada murid-murid terutamanya terhadap keputusan peperiksaan murid-murid tersebut. Guru seharusnya memantau perkembangan murid-murid dari masa ke semasa, supaya murid digalakkan membaca dan memperuntukkan masa yang lebih untuk membaca.

Dari segi jantina menunjukkan murid lelaki dan murid perempuan sama dari segi memperuntukkan masa membaca iaitu di antara 1 hingga 2 jam seminggu. Dari segi bilangan murid yang tidak membaca menunjukkan jumlah murid lelaki ramai yang tidak membaca iaitu 4.2% berbanding dengan murid perempuan yang hanya 0.8%. Jika dilihat dari sikap malas membaca, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa murid lelaki perlukan pengawasan dan pemerhatian yang lebih bagi memastikan mereka tidak meneruskan sikap tidak minat untuk membaca.

Dari segi sekolah pula menunjukkan SKBRP dan SKMS mempunyai majoriti yang tertinggi membaca 1 hingga 2 jam seminggu, manakala SKKK majoriti tertinggi ialah murid membaca kurang daripada 1 jam. Ini menunjukkan jumlah masa yang diperuntukkan oleh murid-murid SKKK sangat rendah berbanding SKMS dan SKBRP. Di samping itu juga SKKK mencatatkan murid yang tidak membaca tertinggi iaitu 3.8%. Jika masalah ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya, maka sekolah SKKK akan menghadapi masalah murid yang tidak minat membaca.

### **5.5.3 Kekerapan mengunjungi pusat sumber**

Kajian ini mendapati majoriti murid-murid yang dikaji mengunjungi pusat sumber untuk membaca ialah 1 hingga 2 kali dalam seminggu. Ini menunjukkan murid-murid yang berkunjung ke pusat sumber untuk membaca masih rendah. Di samping itu juga terdapat segelintir murid-murid yang langsung tidak mengunjungi pusat sumber untuk membaca iaitu 2.9%. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Wan Nor Saadah (1990) dan Halimah (1986)



Dari segi jantina menunjukkan murid lelaki dan murid perempuan mempunyai persamaan dari segi kekerapan mengunjungi pusat sumber iaitu 1 hingga 2 kali dalam seminggu. Ini menunjukkan sikap dan minat murid perempuan untuk membaca di pusat sumber sama berdasarkan kekerapan mengunjungi pusat sumber. Dari segi sekolah, ketiga-tiga sekolah menunjukkan kekerapan mengunjungi pusat sumber yang sama iaitu 1 hingga 2 kali seminggu.

#### **5.5.4 Meminjam buku di pusat sumber**

Kajian ini mendapati majoriti murid-murid yang meminjam buku di pusat sumber untuk dibaca ialah 2 hingga 3 buah buku untuk dibaca iaitu 30.4%. Ini menunjukkan bilangan murid-murid yang meminjam buku di pusat sumber untuk dibaca masih rendah. Di samping itu juga dapatan kajian ini menunjukkan murid-murid yang tidak meminjam buku di pusat sumber masih tinggi iaitu 20.4%. Jika hal ini tidak diberi perhatian oleh guru dan pihak sekolah, ia akan menimbulkan masalah yang besar, yang mana sikap ini akan menjadi ikutan kepada murid-murid yang lain.

Dari segi jantina menunjukkan perbezaan yang ketara dari meminjam buku di pusat sumber. Majoriti murid-murid lelaki meminjam 1 hingga 2 buah buku di pusat sumber dalam masa seminggu. Manakala majoriti murid-murid perempuan meminjam 2 hingga 3 di pusat sumber dalam masa seminggu. Perbezaan ini wujud disebabkan oleh faktor semula jadi lelaki yang tidak minat untuk membaca dan bersusah-payah meminjam di pusat sumber berbanding dengan sikap murid perempuan yang rajin. Di samping itu juga menunjukkan majoriti murid lelaki adalah yang tertinggi di berminat untuk meminjam buku di pusat sumber iaitu 31.7%. Ini juga menyokong kenyataan yang

mengatakan murid-murid lelaki tidak berminat untuk ke pusat sumber dan meminjam bahan bacaan di pusat sumber.

Dari segi sekolah menunjukkan SKMS dan SKKK mempunyai majoriti yang tertinggi murid-murid meminjam buku 2 hingga 3 buah buku untuk dibaca di pusat sumber dalam masa seminggu. Manakala SKBRP majoriti murid-muridnya hanya meminjam 1 hingga 2 buah di pusat sumber dalam masa seminggu. Perbezaan ini wujud mungkin disebabkan budaya sesebuah sekolah yang menggalakkan murid-murid pergi ke pusat sumber dan meminjam buku di pusat sumber. Di samping itu galakan dan sokongan guru juga penting bagi menggalakkan murid-murid untuk meminjam dan pergi ke pusat sumber.

Secara keseluruhan hasil dapatan ini penggunaan pusat sumber ini menunjukkan tahap membaca responden kajian masih di tahap yang sederhana. Langkah untuk meningkatkan minat membaca responden perlu dititik beratkan, jika responden ini tidak diberi perhatian dan dorongan kemungkinan tahap minat membaca ini akan menurun ke tahap yang lemah.

#### **5.6 Pertalian dan hubungan bahan bacaan yang sangat kerap di baca oleh responden dengan status sosioekonomi.**

Berdasarkan dapatan data menunjukkan bahan bacaan yang mempunyai majoriti sangat kerap dibaca ialah bahan bacaan berbentuk komik atau kartun. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya pertalian dan hubungan bahan bacaan yang kerap dibaca dengan kedudukan sosioekonomi murid-murid.

Apabila dibuat perbandingan, menunjukkan pola yang hampir sama telah ditunjukkan oleh setiap sekolah. Ketiga-tiga sekolah ialah SKMS, SKKK dan SKBRP menunjukkan sangat kerap membaca bahan yang berbentuk komik atau kartun. Kajian ini juga mendapati bahawa bahan yang dibaca (komik atau kartun) mempunyai pertalian yang signifikan dengan sekolah. Ini jelas menunjukkan bahawa murid-murid yang berumur dalam lingkungan sebelas tahun mempunyai minat yang sama dengan bahan yang berbentuk komik atau kartun, walaupun berlainan sekolah.

Dari segi jantina menunjukkan terdapatnya perbezaan minat membaca bahan yang berbentuk komik atau kartun. Walaupun kedua-dua jantina meminati bahan yang berbentuk komik dan kartun, tetapi terdapatnya perbezaan di antara kedua-dua jantina ini. Dapatan kajian menunjukkan murid-murid lelaki lebih meminati bahan bacaan berbentuk komik atau kartun berbanding dengan murid-murid perempuan. Namun begitu terdapatnya pertalian yang signifikan di antara jantina dengan bahan yang di baca iaitu bahan yang berbentuk komik atau kartun. Pertalian yang signifikan ini wujud kerana setiap manusia itu, tidak kira lelaki atau perempuan mempunyai minat yang berbeza-beza, minat ini termasuklah minat untuk membaca sesuatu bahan bacaan.

Di samping itu juga terdapatnya pertalian yang tidak signifikan antara bahan bacaan yang berbentuk komik dengan bangsa murid-murid. Ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu bangsa itu boleh mempengaruhi minat membaca bahan yang disukai oleh murid-murid. Berdasarkan dapatan data kajian menunjukkan majoriti bangsa yang membaca bahan yang berbentuk komik ialah Melayu, India, Cina dan lain-lain bangsa.

Kajian ini juga mendapati terdapatnya pertalian yang signifikan antara bahan yang di baca oleh murid dengan tahap pendidikan ibu bapa murid-murid. Dapatan kajian

menunjukkan tahap pendidikan tertinggi ibu bapa murid-murid yang dikaji ialah berpendidikan universiti, diikuti sekolah menengah, maktab, teknik atau vokasional, sekolah rendah dan tidak bersekolah. Ini menunjukkan ibu bapa yang berpendidikan mampu untuk mempengaruhi bahan bacaan yang dibaca oleh murid-murid. Jika ibu bapa yang mahu anak mereka membaca bahan yang bercorak akademik, ia akan menyediakan bahan yang bercorak akademik dan sebaliknya. Ini juga menunjukkan ibu bapa yang berilmu akan menyediakan wadah bahan bacaan yang terbaik untuk anak-anak mereka.

Kajian juga menunjukkan terdapatnya pertalian yang signifikan bahan yang dibaca (komik atau kartun) dengan pekerjaan ibu bapa murid-murid. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan pekerjaan ibu bapa yang tertinggi ialah profesional, diikuti oleh tentera atau polis, buruh, kerani, guru, pekerja industri, pegawai swasta atau kerajaan dan lain-lain pekerjaan. Ini jelas menunjukkan pekerja ibu bapa mampu mempengaruhi bahan yang dibaca oleh murid-murid. Contohnya ibu bapa yang mempunyai pekerjaan yang terbaik, seperti golongan profesional akan menyediakan bahan bacaan yang dianggap sesuai oleh ibu bapa murid-murid tersebut.

Dari segi pendapatan, menunjukkan tiadanya pertalian yang signifikan bahan yang berbentuk komik atau kartun dengan pendapatan ibu bapa murid-murid. Ini menunjukkan bahawa pendapatan ibu bapa tidak mempengaruhi minat membaca murid-murid terhadap bahan bacaan yang dibaca. Ini kerana murid-murid boleh meminjam bahan bacaan yang dibaca dari pusat sumber, rakan-rakan dan sebagainya.

## 5.7 Rumusan dan cadangan

Berdasarkan data yang diperolehi dapatlah buat satu rumusan tentang kajian yang telah dijalankan. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahan bacaan yang berbentuk komik dan kartun menjadi pilihan utama murid-murid sebagai bahan bacaan berbanding dengan bahan bacaan yang lain. Seharusnya murid-murid di peringkat umur ini tidak didedahkan dengan terlalu banyak bahan bacaan yang berbentuk komik dan kartun. Jika terlalu banyak bahan bacaan yang berunsur jenaka dan imaginasi didedahkan kepada murid-murid ia secara tidak langsung akan mengganggu perkembangan mantel murid-murid tersebut.

Oleh yang demikian, wajarlah murid-murid di peringkat umur sebelas tahun ini didedahkan kepada bahan bacaan yang boleh memberikan kejayaan dalam pelajaran. Murid-murid juga perlu didedahkan tentang kebaikan dan keburukan sesuatu bahan bacaan. Ini perlu kerana murid-murid tersebut dapat mengetahui kesan yang diperolehi hasil membaca bahan bacaan tersebut. Murid-murid ini boleh membaca bahan yang berbentuk komik dan kartun tetapi ia perlu dipantau oleh orang yang lebih dewasa, dari masa ke semasa.

Di samping itu juga dapat dibuat kesimpulan bahawa murid-murid yang dikaji memilih tujuan membaca adalah untuk lulus peperiksaan sebagai pilihan utama berbanding dengan tujuan membaca yang lain yang telah disertakan. Tujuan membaca untuk lulus peperiksaan sebagai majoriti pilihan yang utama kerana murid-murid yang dikaji anak seorang pelajar, sudah pasti matlamat mereka membaca adalah untuk lulus dalam peperiksaan. Namun demikian, murid-murid ini harus juga didedahkan dengan

tujuan membaca yang lain seperti membaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan, membaca untuk membaiki diri dan sebagai.

Hal ini penting di samping sebagai seorang pelajar, murid-murid ini akan terdedah dengan dunia luar daripada bilik darjah. Secara tidak langsung murid-murid ini akan bergaul dan berhubung dengan dunia luar, maka untuk lebih memberi keyakinan, murid-murid tersebut perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Membaca untuk lulus dalam peperiksaan bukan di anggap sesuatu yang salah tetapi perlu ditambah dengan pelbagai matlamat membaca yang lebih sempurna dan berguna kepada murid-murid tersebut.

Dari segi faktor yang menghalang minat membaca menunjukkan pengaruh TV, VCD, permainan video dan radio sebagai faktor yang menjadi pilihan utama murid-murid yang dikaji, serta faktor sampingan yang lain seperti penat, letih dan sebagainya. Pengaruh TV, VCD, permainan video dan radio amat kuat kepada murid-murid. Di samping itu juga alatan ini merupakan bahan yang utama kerana ia merupakan satu bahan yang dapat menyampaikan pelbagai maklumat dan informasi kepada murid-murid tersebut.

Penggunaan TV, VCD, permainan video dan radio ini akan mendatangkan kerugian kepada murid-murid jika ia ditonton atau digunakan lebih daripada masa yang sepatutnya dan tanpa pengawasan. Murid-murid ini akan menjadi leka dan lalai, menyebabkan murid-murid ini mengabaikan pelajaran terutamanya membaca akibat daripada menonton dan menggunakan terlalu lama daripada had yang sepatutnya. Ibu bapa seharusnya memantau pergerakan dan perbuatan anak mereka agak tidak terlalu lama memperuntukkan masa menonton dari melakukan kerja yang lebih berfaedah.

Seharusnya ibu bapa memberi nasihat dan penerangan tentang kesan dan akibat daripada menonton atau bermain terlalu lama dengan alatan seperti TV, VCD, permainan video dan radio.

Di samping itu juga murid-murid memilih faktor letih dan sibuk sebagai penghalang minat membaca. Hal ini tidak dapat dinafikan yang murid-murid ini terpaksa bersekolah pagi dan petang, maka faktor letih dan sibuk tidak dapat dielakkan. Oleh itu murid-murid tersebut seharusnya dapat mengatur masa yang sesuai untuk lebih memperuntukkan masa membaca. Di sinilah pentingnya peranan guru dan ibu bapa bagi menyediakan jadual waktu yang sesuai untuk murid dan anak-anak mereka. Jika masalah ini tidak diberi perhatian, ia akan mendatangkan kesan terhadap prestasi akademik murid-murid tersebut.

Dapatan kajian juga cuba melihat peranan dan penggunaan pusat sumber atau perpustakaan dalam mengkaji minat membaca murid-murid. Berdasarkan penggunaan pusat sumber menunjukkan minat membaca murid masih berada di tahap yang sederhana. Ini jelas melalui dapatan kajian yang menunjukkan murid-murid memperuntukkan masa membaca di pusat sumber hanya 1 hingga 2 jam dalam masa seminggu. Hal ini jauh berbeza dengan sikap seorang murid yang berjaya, di mana masa membaca yang diperuntukkan dalam masa seminggu melebihi enam jam. Minat membaca murid yang sederhana ini disokong oleh dapatan kajian yang menunjukkan murid-murid yang dikaji hanya ke pusat sumber untuk membaca sebanyak 1 hingga 2 kali dalam masa seminggu.

Ini jelas menunjukkan yang murid-murid ini tidak memperuntukkan masa membaca yang baik dan tidak berminat untuk ke pusat sumber untuk membaca. Walaupun murid-murid yang dikaji ini menunjukkan minat yang sederhana dari segi

membaca, tetapi mereka melakukan pembacaan yang banyak di pusat sumber, ini jelas dilihat melalui dapatan kajian yang menunjukkan murid-murid yang dikaji membaca lebih daripada 50 muka surat dalam masa seminggu. Sebagai seorang murid yang perlukan kejayaan dalam pelajaran dan hidup, murid-murid ini harus memperbanyakkan membaca bahan bacaan di pusat sumber dengan cara memperuntukkan masa membaca yang lebih dan kerap mengunjungi pusat sumber untuk membaca.

Di samping itu juga dapatan kajian juga menunjukkan terdapatnya pertalian yang signifikan di antara bahan bacaan yang majoriti tertinggi di baca iaitu bahan yang berbentuk komik dan kartun dengan lokasi sekolah, jantina, tahap pendidikan ibu bapa dan pekerjaan ibu bapa. Namun kaji ini mendapati tidak terdapatnya pertalian yang signifikan di antara bahan yang majoriti di baca iaitu bahan bacaan yang berbentuk komik dan kartun dengan bangsa dan pendapatan ibu bapa.

Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya perbezaan dari segi jantina dan lokasi sekolah yang berkaitan dengan bahan yang dibaca, tujuan membaca, faktor yang menghalang minat membaca, penggunaan pusat sumber dan hubungan bahan yang kerap dibaca. Perbezaan dari segi jantina ini wujud disebabkan perbezaan naluri semula jadi manusia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap manusia mempunyai kehendak dan kemahuan masing-masing, cuma kehendak dan kemahuan ini perlu di kawal agar memberi manfaat kepada diri masing-masing.

Di samping itu juga wujud perbezaan dari segi lokasi sekolah. Hal ini wujud disebabkan kedudukan sebuah kawasan penempatan sekolah. Jika dibandingkan kedudukan sekolah, ketiga-tiga SKMS, SKKK dan SKBRP berada di lokasi yang berbeza. Jika dilihat dari data kajian menunjukkan SKBRP merupakan sekolah yang berada di



kawasan elit terletak berhampiran dengan kawasan bandar, berbanding dengan sekolah SKMS dan SKKK yang terletak di kawasan luar Bandar. Hal ini yang menyebabkan data yang diperolehi berbeza di antara satu sekolah dengan sekolah yang lain.

Beberapa cadangan yang difikirkan sesuai untuk meningkat minat membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah. Antara cadangan tersebut ialah:

1. Sikap dan tabiat minat membaca ini perlu dipupuk atau sejak kanak-kanak masih di peringkat awal perkembangannya. Ibu bapa boleh mendedahkan kepada anak-anak mereka bahan bacaan awal yang berbentuk menguji suku kata atau perkataan mudah. Di sini peranan ibu bapa dapat membantu meningkat tahap minat membaca dalam diri kanak-kanak. Ibu bapa boleh bertindak sebagai mentor, tutor dan jurulatih kecerdasan emosi kepada anak-anak mereka pada usia yang muda. Ibu bapa sebagai 'role model' kepada anak-anak. Seharusnya ibu bapa menunjukkan minat membaca yang tinggi agar ia dapat menjadi contoh kepada anak-anak mereka. Di samping itu juga ibu bapa haruslah menyediakan perpustakaan mini atau sudut bacaan di rumah. Perpustakaan mini atau sudut bacaan ini secara tidak langsung akan menggalakkan minat atau budaya membaca yang bermula dari rumah lagi.
2. Di samping itu juga peranan guru dan pentadbir dapat meningkatkan minat membaca murid-murid. Guru seharusnya menyediakan satu model pembelajaran yang dapat menarik minat murid-murid untuk membaca. Contohnya, guru mengarahkan murid-muridnya membuat satu rumusan hasil daripada pembacaannya. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan murid tersebut membaca. Guru juga harus menekankan membaca bukan sekadar

untuk lulus peperiksaan, tetapi melalui membaca akan dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan meluaskan pengetahuan di pembaca. Di samping itu juga guru harus menekankan pentingnya mengisi masa lapang dengan membuat sesuatu yang berfaedah, salah satunya melalui membaca. Guru seharusnya menanamkan sifat positif untuk membaca dalam diri kanak-kanak. Guru juga berperanan menekankan baik dan buruknya membaca sesuatu bahan bacaan yang dibaca oleh murid-murid. Contohnya dalam kajian ini, bahan bacaan yang kerap dibaca ialah bahan bacaan yang berbentuk komik atau kartun. Guru harus memberitahu murid-muridnya kesan dan akibat membaca bahan ini tanpa pengawasan ibu bapa atau orang yang lebih berpengalaman.

3. Di samping itu juga guru dan pihak sekolah harus menggalakkan murid-muridnya mengunjungi dan meminjam bahan bacaan di perpustakaan atau pusat sumber untuk dibaca. Pusat sumber harus dihias dan diberikan pelbagai kemudahan yang boleh menarik minat murid-murid untuk membaca seperti menambah koleksi buku yang sedia ada, memperbanyakkan carta-carta yang boleh menarik minat murid-murid untuk mengunjungi pusat sumber dan mengadakan pelbagai pertandingan yang melibatkan aktiviti membaca di dalam perpustakaan. Perpustakaan atau pusat sumber merupakan satu tempat yang boleh meningkatkan dan menggalakkan minat membaca murid-murid.
4. Di samping itu juga pelbagai aktiviti membaca dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah. Contohnya menggalakkan aktiviti membaca kuat dan senyap sebelum memulakan sesuatu aktiviti pembelajaran. Aktiviti ini secara

langsung akan meningkatkan minat membaca dan menimbulkan kebiasaan dalam diri murid-murid tersebut untuk membaca. Di samping itu juga guru haruslah menekankan aktiviti Akhbar Dalam Bilik Darjah dan program Nilai Ilmu Amalan Membaca (NILAM). Aktiviti Akhbar Dalam Bilik Darjah murid-murid menggunakan akhbar untuk aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Manakala program NILAM ialah merupakan program yang menggalakkan murid membaca di pusat sumber atau membaca bahan yang dibekalkan oleh pihak sekolah, setiap pembacaan yang dilakukan oleh murid tersebut perlu direkodkan di dalam buku khas yang disediakan oleh pihak sekolah kepada murid-murid.

5. Di samping itu juga peranan kerajaan dalam meningkat minat membaca penting. Pihak kerajaan seharusnya menyediakan segala bentuk kemudahan yang boleh menggalakkan minat membaca seperti memperbanyakkan perpustakaan, sudut bacaan di tempat yang menjadi tumpuan ramai seperti perhentian kenderaan awam, gedung membeli-belah dan sebagainya. Di samping itu juga kempen menggalakkan aktiviti membaca perlu diperluaskan seperti mengadakan kempen membaca, memaparkan iklan yang menggalakkan orang ramai membaca, seminar membaca dan sebagainya. Segala aktiviti yang dijalankan ini secara tidak langsung akan menggalakkan minat membaca.

## **5.8 Kesimpulan**

Berdasarkan cadangan di atas secara tidak langsung akan dapat meningkatkan minat membaca di kalangan murid-murid. Murid-murid merupakan generasi yang akan mewarisi masa akan datang. Oleh itu untuk melihat generasi masa depan yang maju, maka pembacaan awal akan mendedahkan pelbagai ilmu pengetahuan yang akan dibawa untuk masa hadapan.

Bab ini telah merumuskan hasil dapatan kajian pada bab 4 dalam kajian minat membaca di kalangan murid-murid sekolah rendah. Di samping itu juga bab ini mengutarakan cadangan-cadangan yang dapat meningkatkan minat membaca di kalangan murid-murid di masa akan datang.